



Lembaga Minyak Sawit Malaysia

MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

NOTIS PEMBERITAHUAN

PENGECUALIAN BAYARAN FI PINDAAN BUTIRAN PEMEGANG LESEN KATEGORI ESTET (ET) DAN KEBUN KECIL (SH)

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-140 yang diadakan pada 17 Disember 2025 telah meluluskan keputusan berkaitan permohonan pengecualian bayaran fi pindaan butiran pemegang lesen kategori Estet (ET) dan Kebun Kecil (SH).

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Lembaga ke-140 tersebut, YB Menteri Perladangan dan Komoditi melalui kuasa yang diperuntukkan di bawah subseksyen 77(1) Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582) telah bersetuju memberi pengecualian bayaran fi pindaan butiran lesen sebanyak RM50.00 kepada pemegang lesen MPOB kategori Estet (ET) dan Kebun Kecil (SH).

Tempoh pengecualian ini adalah selama enam (6) bulan bermula dari 1 April 2026 hingga 30 September 2026.

Diharap pengecualian fi ini dapat membantu pemegang lesen kategori ET dan SH untuk mengemas kini maklumat yang berkaitan bagi penyelarasan data pelesenan MPOB secara menyeluruh. Dalam masa yang sama, pengecualian tersebut juga dapat meningkatkan peratusan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) serta mendukung pembangunan dan pelaksanaan Sistem Kebolehejekan Nasional (SKN).

Sekian, harap maklum.